

Bot nelayan lama dihanyutkan di Pulau Renggis

MUHAYUDIN SALLEH

PULAU TIOMAN

Sebuah bot nelayan lama ditenggelamkan berhampiran Pulau Renggis, di sini dalam usaha memulihara terumbu karang dan hidupan marin lain di Pulau Tioman.

Nilai usaha itu bukanlah kecil kerana satu kumpulan usahawan terdiri daripada warga tempatan dan luar negara membeli bot berkenaan dengan harga RM12,000 daripada penduduk tempatan pulau per-anginan itu.

Namun nilai itu sudah tentu lebih kecil berbanding khazanah marin yang bakal 'menghuni' tukun itu untuk tatapan generasi akan datang.

Koordinator Reef Check Malaysia (RCM) di Pulau Tioman, Alvin Chelliah, berkata, kos berkenaan hanya untuk nilai bot dan jika dikira kos proses membersihkan, menunda hingga menenggelamkannya men- cecah RM20,000.

Menurutnya, penyumbang dana itu adalah sekumpulan usahawan yang juga penyelam dan kerap ber- kunjung ke Pulau Tioman.

"Mereka terfikir melakukan se- suatu untuk Pulau Tioman. Selepas berbincang dengan RCM bagi men- genal pasti apa yang sesuai, kami cadangkan supaya menenggelam- kan tukun baharu.

"Sebenarnya idea ini telah lama dirancang oleh RCM tetapi tiada dana, tak sangka mereka setuju de- ngan cadangan ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, kelmarin.

Alvin berkata, proses me- nenggelamkan bot berjalan lancar



Tukun baharu daripada bot lama ditunda dengan bot lain menuju ke lokasi di Pulau Renggis untuk ditenggelamkan.

Bot RM12,000 jadi tukun

dan paling meng- gembirakan ia teng- gelam di dasar dalam kedudukan yang baik.

Katanya, pada peringkat awal me- reka bimbang jika bot itu terbalik atau teng- gelam dalam ke- dudukan tidak tepat tetapi berjaya seperti yang dirancang.

"Kelancaran proses ini turut di- bantu Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Laut Malaysia dan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Pahang.

"Ketiga-tiga pihak ini berjaya mengawal keadaan kerana ketika proses menenggelamkan bot ter- dapat pelancong yang berada di



ALVIN

Usaha RCM bakal

menambah pendapatn penduduk, menarik pelancong dan meningkatkan jumlah hidupan marin di kawasan itu

Pulau Renggis," katanya.

Dalam pada itu, Alvin turut memberitahu, rancangan RCM se- benarnya mahu menenggelamkan lebih banyak bot bukan sahaja di taman laut, bahkan di luar kawasan berkenaan.

Katanya, bot itu juga boleh ber- fungsi sebagai unjam yang mampu



Sekeping plak turut dilekatkan pada bot berkenaan yang menjelaskan usaha kumpulan usahawan itu bersama RCM dan fungsinya sebagai tukun baharu.



Keesokan hari selepas ditenggelamkan, kumpulan usahawan bersama pihak RCM menyelam bagi melihat kedudukan bot di dasar laut.



Bot nelayan lama beransur tenggelam di lokasi berhampiran Pulau Renggis.

menarik pelbagai hidupan marin terutama ikan.

Bagaimanapun, Alvin berkata, setiap bot yang hendak ditenggelam- kan itu memerlukan kos.

Bagaimanapun, menurutnya pihak RCM tiada dana sebaliknya bergantung kepada sumbangan se- perti yang dilakukan kumpulan usahawan ini.

"Apabila banyak ikan berada di unjam ini, ia boleh menjadi lokasi memancing bagi penduduk tempatan dan pelancong," katanya.

Selain itu, kita harap pelancong juga tertarik dengan usaha ini kerana tidak menjejaskan taman laut.

"Selain itu, kini sudah ada pen- duduk yang menyediakan pakej memancing di luar kawasan taman laut dan ini boleh menjana pen- dapatan mereka," katanya.